

## TCA berkesan lindungi kepentingan tiga negara

Oleh Fahmy A Rosli - Mac 28, 2022 @ 2:13pm  
fahmy.azril@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Indonesia dan Filipina mengakui keberkesanan pelaksanaan Perjanjian Kerjasama Trilateral (TCA) dengan Malaysia berjaya melindungi kepentingan dan ancaman sama dihadapi ketiga-tiga negara di Asia Tenggara.

Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto, berkata hubungan rapat tiga negara berjiran ini terjalin menerusi kerjasama erat dalam operasi ketenteraan rentas sempadan maritim berikutan mempunyai persamaan sejarah budaya dan berkongsi kawasan sama di rantau ini.

Beliau menegaskan kerjasama rentas negara ini mustahak untuk diteruskan demi melindungi kepentingan masing-masing.

"Kita ada kepentingan dan ancaman sama. Justeru, kerjasama trilateral antara kita sangat penting dan strategik. Kita mahu melihat ia (TCA) ditingkatkan dan mengalu-alukan keputusan yang dicapai hari ini. Kita melihat ke hadapan dari segi pelaksanaannya.

"Saya nak kongsi kepada semua pencapaian kerjasama ini. Contohnya, Indonesia sudah banyak kali berdepan dengan rakyatnya diculik dan dilarikan ke Filipina. Saya mahu ucapkan terima kasih kepada kerajaan, rakyat dan tentera Filipina kerana membantu kami menyelamatkan tebusan termasuk mengorbankan tentera mereka bagi membantu rakyat kami.

"Ini menunjukkan pelaksanaan sebenar sebagai bukti usaha menerusi kerjasama trilateral ini. Ia amat penting dan saya fikir ia akan meningkatkan kestabilan keamanan di rantau kita. Justeru, kami komited melindungi ruang dan kestabilan rantau ini berdasarkan jalinan persahabatan. Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Setiausaha Pertahanan Filipina, Delfin Lorenzana.

Terdahulu, mereka bertiga mengadakan Mesyuarat Menteri Trilateral (TMM) sempena penganjuran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Keselamatan Nasional (NATSEC) Asia di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini, hari ini.

Di pihak Filipina, Lorenzana berkata, pihaknya komited untuk mengukuhkan dan mengeratkan lagi hubungan antara ketiga-tiga negara dengan langkah menghidupkan kembali TCA.

Dengan pelbagai kejayaan dicapai, beliau berkata, ini masanya untuk meningkatkan tahap kerjasama dengan pembabitian agensi lain dalam aspek rentas sempadan dan sempadan maritim.

"Kali terakhir kita bermesyuarat pada 2018. Sekarang kita hidupkan kembali TCA. Kerjasama antara kita akan menjadi lebih kuat.

"Faktanya, kita semua datang dari bangsa Melayu. Itu sebabnya amat sesuai untuk kita menjalin hubungan rapat antara negara jiran supaya kita bersatu," katanya.



Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (kiri) dan Menteri Pertahanan Indonesia, Prabowo Subianto (kanan) menyaksikan Perjanjian Persefahaman di antara Ketua Eksekutif LTAT, Datuk Nazim Rahman (dua kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif PT Pindad Abraham Mose (dua kanan) pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia dan Keselamatan Nasional 2022 di MITEC. - NSTP/Saifulizan Tamadi